

TEKS UCAPAN

**TUAN YANG TERUTAMA YANG DIPERTUA NEGERI MELAKA
TUN SERI SETIA (DR.) HAJI MOHD ALI BIN MOHD RUSTAM
SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN PERTAMA, PENGGAL
KEEMPAT, DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG KEEMPAT BELAS**

**PADA 20 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)
DI DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA**

**BISMILLAAHIR RAHMAANIR RAHIM,
DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PENGASIH LAGI MAHA PENYAYANG.
SEGALA PUJI BAGI ALLAH, TUHAN SEMESTA ALAM.**

**SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD
SAW SERTA AHLI KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.**

**ALHAMDULILLAHI RABBIL 'ALAMIN WASSOLAATU WASSALAAMU 'ALA
ASYRAFIL AMBIYAAI WAL MURSALIIN, WA'ALA AALIHI WA SOHBIHI
AJMA'IIN.**

**RABBISH RAHLI SADRI, WAYASSIRLI AMRI, WAHLUL UQDATAM MIL
LISAANI, YAFQAHU QAULI.**

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM
SEJAHTERA.**

UCAPAN ALUAN DAN PENGHARGAAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA MEMANJATKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA DENGAN IZIN DAN LIMPAH KURNIA-NYA KITA SEMUA DAPAT BERSAMA-SAMA PADA HARI INI DALAM PERASMIAN MESYUARAT PEMBUKAAN PERSIDANGAN PERTAMA PENGGAL KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG KEEMPAT BELAS.
2. PERSIDANGAN DEWAN KALI INI MERUPAKAN TAHUN KEDUA KITA BERHADAPAN DENGAN UJIAN PANDEMIK COVID-19. SITUASI COVID-19 PADA TAHUN INI ADALAH LEBIH MEMBIMBANGKAN BERBANDING TAHUN LEPAS. OLEH ITU, SAYA MENASIHATKAN SUPAYA PERSIDANGAN DEWAN KALI INI HENDAKLAH DIBUAT DENGAN BERHATI-HATI DAN PASTIKAN SEMUA YANG HADIR MENGIKUT **OPERASI PROSEDUR STANDARD (SOP)** YANG TELAH DITETAPKAN.
3. DI KESEMPATAN INI JUGA SAYA MENGAMBIL PELUANG UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA KEPIMPINAN YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI UTAMA (DR.) HAJI SULAIMAN BIN MD ALI, KETUA MENTERI MELAKA, KERANA DAPAT MENTADBIR KERAJAAN NEGERI DENGAN CEMERLANG WALAUPUN NEGARA DAN NEGERI MELAKA SEDANG DIUJI DENGAN PANDEMIK COVID-19. SAYA

PERCAYA, YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI DAN BARISAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SERTA SELURUH JENTERA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI YANG DIKETUAI OLEH YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI TELAH MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DAN MEMBERIKAN KOMITMEN YANG TERBAIK BAGI MEMASTIKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGERI DAPAT BERFUNGSI DENGAN BAIK KHUSUSNYA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN JUGA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) YANG SEDANG BERKUATKUASA PADA MASA INI.

4. KINI, TANGGUNGJAWAB KERAJAAN AMATLAH PENTING KHUSUSNYA DALAM MEMBANTU RAKYAT YANG TERKESAN DISEBABKAN OLEH PANDEMIK COVID-19. ADA RAKYAT YANG HILANG PEKERJAAN, SYARIKAT YANG TIDAK MAMPU UNTUK MENERUSKAN OPERASI, ANAK-ANAK YANG KEHILANGAN KEDUA IBU BAPA DAN MASALAH SOSIAL YANG BERPUNCA DARIPADA PANDEMIK COVID-19. SEMUA ISU DAN MASALAH INI PERLU DITANGANI DENGAN SEBAIKNYA OLEH KERAJAAN NEGERI.
5. SAYA JUGA INGIN MENASIHATKAN SUPAYA SEMUA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT MENJADIKAN SESI PERSIDANGAN KALI INI UNTUK BERBINCANG DAN MENYUSUN STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

UNTUK MEMBANTU RAKYAT DAN MEMBANGUNKAN SEMULA EKONOMI NEGERI MELAKA.

SITUASI COVID-19 DI NEGERI MELAKA

6. SITUASI COVID-19 DI NEGERI MELAKA PADA KETIKA INI MASIH MEMBIMBANGKAN. KITA MASIH LAGI BERGELUT DENGAN PANDEMIK COVID-19 YANG BELUM MENUNJUKKAN TANDA PENURUNAN. SABAN HARI BILANGAN KES SENTIASA TURUN NAIK. PADA 17 SEPTEMBER 2021 YANG LALU, TERDAPAT PERTAMBAHAN 287 KES BAHARU YANG DILAPORKAN DI NEGERI MELAKA, MENJADIKAN JUMLAH KESELURUHAN INDIVIDU YANG DISAHKAN POSITIF COVID-19 DI NEGERI MELAKA MENINGKAT KEPADA 54,614 KES. TERDAPAT SEBANYAK 298 KES SEMBUH YANG DILAPORKAN PADA 17 SEPTEMBER 2021 MENJADIKAN KES SEMBUH MENINGKAT KEPADA 46,823 KES (85.9 PERATUS). TERDAPAT 6,897 (12.6 PERATUS) KES AKTIF YANG SEDANG MENERIMA RAWATAN TERMASUK 70 KES DI UNIT RAWATAN RAPI DI MANA 23 KES MEMERLUKAN ALAT BANTUAN PERNAFASAN. ALHAMDULILLAH TIADA KES KEMATIAN DILAPORKAN PADA 17 SEPTEMBER 2021, WALAU BAGAIMANAPUN, JUMLAH KEMATIAN KESELURUHAN BAGI NEGERI MELAKA ADALAH BERSAMAAN 804 KES (1.5 PERATUS).

7. MENGAMBILKIRA SAIZ NEGERI MELAKA YANG KECIL DENGAN JUMLAH PENDUDUK TIDAK SAMPAI 1 JUTA ORANG IAITU HANYA 932,700 ORANG, PADA PANDANGAN SAYA, KES COVID-19 YANG DICATATKAN DI MELAKA AMATLAH MEMBIMBANGKAN. SAYA MENCADANGKAN SUPAYA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT KHUSUSNYA JENTERA PENTADNIRAN TERMASUK RAKYAT MELAKA MEMPERGIATKAN LAGI USAHA UNTUK MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19 INI TERMASUK MEMPERCEPATKAN PELAKSANAAN PROGRAM VAKSINASI KEPADA SEMUA RAKYAT MELAKA.

8. NEGERI MELAKA JUGA TELAH BERJAYA BERGERAK KE FASA-2 PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) PADA 4 SEPTEMBER 2021 YANG LALU SELEPAS MELEPASI NILAI AMBANG YANG DITETAPKAN OLEH KERAJAAN. KEJAYAAN INI ADALAH KEJAYAAN BUAT SELURUH RAKYAT SERTA BARISAN KEPIMPINAN KERAJAAN NEGERI.

9. MESKIPUN KITA TELAH BERALIH KE PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2, INI TIDAK BERMAKNA KITA TELAH BERJAYA MELAWAN PANDEMIK COVID-19 INI. OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA MENYERU KEPADA SEMUA RAKYAT MELAKA UNTUK TERUS MEMATUHI SOP YANG TELAH DITETAPKAN OLEH KERAJAAN SEPERTI MEMAKAI PELITUP MUKA, MENGEKALKAN AMALAN PENJAGAAN KEBERSIHAN DAN PENJARAKAN SOSIAL. KERJASAMA SEMUA PIHAK AMAT PENTING

BAGI MEMASTIKAN SEGALA USAHA UNTUK MENANGANI WABAK INI BERJAYA DILAKSANAKAN SECARA MENYELURUH.

10. SAYA DIFAHAMKAN PROGRAM VAKSINASI SEDANG GIAT DIJALANKAN PADA MASA INI UNTUK MEMBENTUK IMUNITI KELOMPOK (*HERD IMMUNITY*) DAN BAKAL MEMULIHKAN NEGARA KITA DALAM TEMPOH TIDAK LAMA LAGI. BAGI NEGERI MELAKA, SEHINGGA 17 SEPTEMBER 2021, KADAR VAKSINASI DOS 2 BAGI PENDUDUK DEWASA TELAH MENCAPAI 75.9 PERATUS. SAYA MENYERU SEMUA RAKYAT MELAKA YANG SEPATUTNYA MENDAPATKAN SUNTIKAN VAKSIN HENDAKLAH SEGERA BERBUAT DEMIKIAN BAGI MENGEKANG PENULARAN COVID-19 DAN MEMBOLEHKAN NEGERI MELAKA BERGERAK KE FASA SETERUSNYA SERTA LEBIH BANYAK AKTIVITI EKONOMI BOLEH BEROPERASI SEPERTI BIASA.

11. SAYA MEWAKILI KERAJAAN NEGERI DAN SELURUH RAKYAT MELAKA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH DI ATAS PENGORBANAN BARISAN *FRONTLINERS* YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI PENAT SEHINGGA KESELAMATAN DIRI MENJADI TARUHAN DEMI KESIHATAN DAN KEPENTINGAN RAKYAT. SESUNGGUHNYA ANDA SEMUA ADALAH WIRA KAMI DAN WIRA NEGARA!

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI

12. KERAJAAN NEGERI MELAKA TELAH MENGUMUMKAN INISIATIF DAN PAKEJ BANTUAN BAGI MENJAGA KEBAJIKAN RAKYAT MELAKA YANG SEDANG BERDEPAN DENGAN CABARAN PANDEMIK COVID-19. **PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI MELAKAKU MAJU JAYA 2021: SEJAHTERA BERSAMA** TELAH DIUMUMKAN MELIBATKAN PENAWARAN SEBANYAK **60 INISIATIF DENGAN IMPLIKASI KEWANGAN SEBANYAK 174.53 JUTA.**
13. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI INI TERDIRI DARIPADA DUA KOMPONEN UTAMA IAITU:
- ***PEOPLE ECONOMY*** - YANG BERORIENTASIKAN KEPADA KEPERLUAN DAN KEPENTINGAN RAKYAT SECARA LANGSUNG SEPERTI KOS SARA HIDUP, PENDAPATAN ISI RUMAH DAN SEUMPAMANYA; DAN
 - ***CAPITAL ECONOMY*** - YANG BERTUMPU KEPADA PENIAGA-PENIAGA KECIL, USAHAWAN DAN SYARIKAT UNTUK MENGGERAKKAN SEMULA EKONOMI DEMI KEPENTINGAN RAKYAT DI NEGERI INI.
14. SAYA BERHARAP BANTUAN KERAJAAN NEGERI INI DAPAT DIMANFAATKAN SEBAIKNYA OLEH SEMUA PENERIMA DAN MAMPU UNTUK MERINGKANKAN BEBAN YANG SEDANG DITANGGUNG OLEH RAKYAT PADA MASA KINI. SAYA JUGA AMAT BERHARAP AGAR PERANCANGAN PEMBANGUNAN YANG TELAH DIRANGKA DAPAT

DILAKSANAKAN DENGAN LEBIH BERKESAN BAGI MEMBOLEHKAN SEKTOR EKONOMI DI NEGERI MELAKA DIPULIHKAN SEGERA.

PERKEMBANGAN EKONOMI

15. KRISIS KESIHATAN YANG MELANDA DUNIA KESAN PENULARAN PANDEMIK COVID-19 SECARA KETARA DAN BERTERUSAN MENGHASILKAN ANCAMAN PERSEKITARAN EKONOMI DAN MENINGGALKAN IMPAK YANG MENDALAM KEPADA EKONOMI MALAYSIA.

16. NEGERI MELAKA MENCATATKAN NILAI KDNK BERJUMLAH RM 41.029 BILION PADA TAHUN 2020 BERBANDING RM 43.612 BILION PADA TAHUN 2019 IAITU PENYUSUTAN PERTUMBUHAN DARIPADA POSITIF 2.9 PERATUS KEPADA NEGATIF 5.9 PERATUS. KESEMUA SEKTOR EKONOMI DI NEGERI MELAKA MENCATATKAN NILAI PENURUNAN KECUALI SEKTOR PERTANIAN MENCATATKAN PERTUMBUHAN POSITIF 3.7 PERATUS. SAYA BERHARAP AGAR KERAJAAN NEGERI DAPAT BERUSAHA SECARA KOLEKTIF DAN PROAKTIF DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN SEMULA SEKTOR-SEKTOR EKONOMI DI NEGERI MELAKA INI.

17. ANTARA CABARAN UTAMA PANDEMIK COVID-19 ADALAH RAKYAT KEHILANGAN SUMBER MATA PENCARIAN BAGI MENERUSKAN KEHIDUPAN. SITUASI INI MEMBERI KESAN KEPADA PENINGKATAN KADAR PENGANGGURAN DI NEGARA INI. DUKACITA DIMAKLUMKAN BAHAWA KADAR PENGANGGURAN MALAYSIA MENINGKAT PADA KADAR 4.8 PERATUS PADA TAHUN 2020. NEGERI MELAKA MENCATAT KADAR PENGANGGURAN 2.2 PERATUS BERBANDING 1.1 PERATUS SEBELUM COVID-19 MELANDA. KEDUDUKAN INI ADALAH YANG KEDUA TERENDAH SELEPAS PUTRAJAYA.

18. JUSTERU, SUKA UNTUK SAYA MENYERU BARISAN PIMPINAN KERAJAAN NEGERI AGAR TERUS MENGAMBIL INISIATIF SEWAJARNYA UNTUK MENINGKATKAN KEUPAYAAN NEGERI DALAM MENJANA KEMBALI AKTIVITI EKONOMI UNTUK MEWUJUDKAN LAGI PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT.

HALA TUJU PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGERI

19. PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035 (PSMJ 2035) YANG TELAH DILANCARKAN PADA 8 MAC 2021 MERUPAKAN ASPIRASI KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMACU DAN MERANCAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI, MENGGALAKKAN PELABURAN DOMESTIK

DAN ASING, MENINGKATKAN SEKTOR PELANCONGAN, PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, PEMELIHARAAN WARISAN SERTA PENINGKATAN MODAL INSAN MELALUI PENDIDIKAN.

20. SAYA BERHARAP AGAR PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI DAPAT MEMASTIKAN PERANCANGAN YANG TELAH DIBUAT BERDASARKAN KEPADA LAPAN *FLAGSHIP* MELIPUTI PEMBANGUNAN ZON PESISIR PANTAI (MWEZ), PENGURUSAN AIR, PEMBANGUNAN BERSASAR, PEMBANGUNAN DALAM PENDIGITALAN, PELANCONGAN, PENDIDIKAN, USAHAWAN DAN JUGA KESEJAHTERAAN RAKYAT DAPAT DILAKSANAKAN DENGAN BERKESAN. SELAIN ITU, PIHAK KERAJAAN PERLU MEMANTAU SEGALA PERANCANGAN DAN SASARAN YANG TELAH DITETAPKAN AGAR KESAN PEMBANGUNAN DAPAT DIRASAI OLEH SEMUA GOLONGAN RAKYAT. SAYA JUGA BERHARAP PERANCANGAN TERSEBUT BERSIFAT INKLUSIF DAN TIADA KUMPULAN RAKYAT YANG TERPINGGIR DALAM MENIKMATI HASIL PERANCANGAN PEMBANGUNAN TERSEBUT.

21. SAYA DIFAHAMKAN TERKINI, PIHAK UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN) SEDANG BEKERJASAMA DENGAN PIHAK UITM MELAKA UNTUK MELAKSANAKAN PENILAIAN SEMULA INDIKATOR-INDIKATOR NEGARA MAJU *ORGANISATION FOR ECONOMIC CO-OPERATION AND DEVELOPMENT* (OECD) YANG BERKAITAN AGAR

IANYA SELARAS DENGAN PELAN STRATEGIK MELAKAKU MAJU JAYA 2035 SERTA BERPANDUKAN KEPADA 17 MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (*SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS - SDG*) YANG DITERIMA PAKAI OLEH SEMUA NEGARA ANGGOTA PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB).

PELABURAN

22. DI SEBALIK KEMELUT BERHADAPAN DENGAN PANDEMIK COVID-19, SAYA DIFAHAMKAN NEGERI MELAKA BERJAYA MENCATAT PELABURAN SEBANYAK RM1.956 BILION PADA TAHUN 2020. SUKU PERTAMA TAHUN 2021 PULA MENCATATKAN PELABURAN SEBANYAK RM3.425 BILION SEPERTIMANA YANG DILAPORKAN OLEH LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA).

23. SELAIN ITU, WALAUPUN NEGERI DAN NEGARA KITA MASIH DALAM SITUASI PANDEMIK COVID-19, PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MASIH DAPAT DITERUSKAN MENGIKUT NORMA BAHARU SERTA SOP YANG DILULUSKAN OLEH KERAJAAN. PELBAGAI PERUNTUKAN DISEDIAKAN DAN SUDAH TENTU YANG TERBESAR IALAH YANG DISEDIAKAN DARIPADA PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI PELBAGAI PAKEJ-PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI SEPERTI

PAKEJ PRIHATIN, PRIHATIN TAMBAHAN, PENJANA, PERMAI, PEMERKASA DAN YANG TERKINI PEMULIH.

24. SAYA JUGA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG TERUS MEMBANTU KERAJAAN NEGERI MELAKA DALAM MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN KEPADA RAKYAT SEPERTI PEMBINAAN RANGKAIAN JALAN RAYA; PEMBANGUNAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN, KESIHATAN, PERUMAHAN DAN SUKAN; PEMBANGUNAN PROJEK-PROJEK KECIL DI BAWAH SELIAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN; PEMBANGUNAN DAN NAIKTARAF PRODUK PELANCONGAN; PEMBANGUNAN KEAGAMAAN; DAN PEMBANGUNAN TELEKOMUNIKASI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA PARA PELABUR SAMA ADA PELABUR DOMESTIK DAN ASING YANG BERSAMA-SAMA TERLIBAT DALAM PEMBANGUNAN NEGERI MELAKA.

25. SAYA PERCAYA DAN YAKIN BAHAWA TEMPOH WAKTU INI ADALAH PELUANG KEPADA NEGERI MELAKA UNTUK BANGKIT SEMULA DALAM MEMBANGUNKAN EKONOMI NEGERI DAN MEMBANTU PARA PENIAGA SERTA MERAH KEYAKINAN PELABUR UNTUK MELABUR DI NEGERI MELAKA. PELABURAN LANGSUNG SAMA ADA PELABURAN DOMESTIK DAN ASING, ANTARANYA PEMBANGUNAN PELABUHAN KUALA LINGGI INTERNATIONAL PORT (KLIP), PELBAGAI PROJEK PENSWASTAAN DI KAWASAN TAMBAK LAUT SERTA PROJEK PELANCONGAN DIJANGKA

AKAN MEMBUKA LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN BERKUALITI DAN MENCIPTA KEMAKMURAN DAN KEKAYAAN BERSAMA, INSYAALLAH.

MENGOPTIMUM PENGGUNAAN TEKNOLOGI

26. DALAM MENDEPANI CABARAN DUNIA TANPA SEMPADAN DAN GELOMBANG PANDEMIK COVID-19 YANG MELANDA SELURUH NEGARA, SAYA DAPAT MELIHAT USAHA PROAKTIF YANG TELAH DIAMBIL OLEH KERAJAAN NEGERI UNTUK MENYEGERAKAN TRANSFORMASI PENDIGITALAN NEGERI MELAKA DARI SEGI PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI, PEMERKASAAN APLIKASI PINTAR DAN ANALITIS DATA RAYA.

27. KERAJAAN NEGERI JUGA HENDAKLAH MEMASTIKAN SEMUA BIDANG SEPERTI PENDIDIKAN, KESIHATAN, PERINDUSTRIAN, PERTANIAN, PERNIAGAAN, PELABURAN DAN PERKHIDMATAN AWAM PERLU DIGERAKKAN DENGAN LEBIH DINAMIK LAGI DI ERA PANDEMIK COVID-19 INI. PENGGUNAAN TEKNOLOGI DAN DIGITAL PERLU DIGALAKKAN UNTUK MEMASTIKAN SEMUA PIHAK BERSEDIA DAN TERUS BERDAYA SAING.

28. SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG PINTAR, USAHA PERLU DITUMPUKAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN RAKYAT SERTA MEMELIHARA ALAM SEKITAR MELALUI KEPINTARAN TEKNOLOGI YANG BAKAL DIGUNAKAN.

PELANCONGAN

29. SEKTOR PERKHIDMATAN TERUTAMANYA PELANCONGAN MERUPAKAN ANTARA SEKTOR YANG PALING TERKESAN AKIBAT PENULARAN PANDEMIK COVID-19. PENUTUPAN SEMPADAN DAN SEKATAN PERJALANAN TELAH MEMBERI IMPAK YANG KETARA DALAM SEKTOR INI. KEDATANGAN PELANCONG KE MELAKA PADA TAHUN 2020 TELAH MENUNJUKKAN PENURUNAN YANG KETARA IAITU SEBANYAK 69.6 PERATUS BERBANDING TAHUN 2019.
30. SEBAGAI NEGERI YANG AKTIF DALAM BIDANG PELANCONGAN SEBELUM INI HINGGA BERJAYA MENARIK SERAMAI 18.73 JUTA ORANG PELANCONG PADA TAHUN 2019, MENJADI CABARAN KEPADA KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMULIHKAN KEMBALI SEKTOR INI PASCA COVID-19. SAYA MENGGESA KERAJAAN NEGERI SUPAYA TERUS MEMPELBAGAIKAN PRODUK BAHARU PELANCONGAN, MENAIKTARAF PRODUK SEDIA ADA SERTA MELAKSANAKAN PELBAGAI INISIATIF

PROMOSI SECARA BERTERUSAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELANCONG DAN MENJADIKAN MELAKA SEBAGAI DESTINASI PILIHAN UTAMA APABILA SEMPADAN NEGERI DIBUKA KELAK.

31. DALAM USAHA MENGGERAKKAN SEKTOR INDUSTRI PERKHIDMATAN KHUSUS YANG BERKAITAN DENGAN SUB-SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN, KERAJAAN NEGERI PERLU MENGGIATKAN USAHA UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN KERAJAAN PUSAT BAGI MENYEGERAKAN PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BATU BERENDAM, MELAKA.

32. PENAMBAHBAIKAN INI TERMASUKLAH MENAMBAH BILANGAN *PARKING BAY* PESAWAT, MENAMBAHBAIK SISTEM PENGURUSAN PENUMPANG DAN JUGA PEMANJANGAN LANDASAN BAGI MEMBERI KESELESAAN KEPADA PESAWAT AGAR BOLEH MENDARAT DENGAN KAPASITI PENUH YANG SETERUSNYA MEMBUKA RUANG KEPADA LEBIH BANYAK LALUAN DOMESTIK DAN ANTARABANGSA BAGI MENYOKONG SEKTOR PELANCONGAN KESIHATAN DAN PELANCONGAN SOSIAL YANG LAIN.

33. NEGERI MELAKA BEGITU SINONIM DENGAN PERKHIDMATAN KESIHATAN YANG BERKUALITI YANG TELAH LAMA MENJADI FAKTOR YANG MENARIK KEDATANGAN PESAKIT KHUSUSNYA DARI INDONESIA

DAN SINGAPURA, MELALUI EMPAT (4) BUAH HOSPITAL SWASTA SEDIADA IAITU *PUTRA SPECIALIST HOSPITAL, MAHKOTA MEDICAL CENTRE, PANTAI HOSPITAL AYER KEROH* DAN *ORIENTAL MELAKA STRAITS MEDICAL CENTRE* YANG DISOKONG DENGAN JUMLAH KESELURUHAN 913 BUAH KATIL SERTA DOKTOR-DOKTOR PAKAR, IANYA MAMPU MEMENUHI PERMINTAAN DI SEKTOR PERKHIDMATAN INI.

34. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA PROJEK MENAIKTRAF LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BATU BERENDAM YANG BERJUMLAH RM200 JUTA PERNAH DILULUSKAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-11. JUSTERU, SAYA BERHARAP KERAJAAN PERSEKUTUAN AKAN DAPAT MEMBERIKAN KELULUSAN DALAM BELANJAWAN TAHUN 2022 YANG DIJANGKA DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT PADA 29 OKTOBER 2021, KHUSUS BAGI MENINGKATKAN LAGI EKONOMI NEGERI MELAK DI DALAM SEKTOR INI.

35. DI KESEMPATAN INI, SAYA JUGA INGIN **MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)** YANG TELAH MEMENANGI **ANUGERAH KHAS *JEAN PAUL L'ALLIER PRIZE FOR HERITAGE*** OLEH PERTUBUHAN BANDAR WARISAN DUNIA (**OWHC**) YANG BERPANGKALAN DI QUEBEC, KANADA. ANUGERAH INI ADALAH UNTUK MENGIKTIRAF DAN MENGHARGAI BANDAR-BANDAR

YANG TELAH MENUNJUKKAN USAHA PEMULIHARAAN HARTA WARISAN BUDAYA DAN AKAN MENJADI RUJUKAN KEPADA MASYARAKAT ANTARABANGSA. SAYA DIFAHAMKAN ANUGERAH KHAS INI TELAH DISERTAI OLEH 11 BANDAR DUNIA DAN BANDARAYA MELAKA YANG TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI TAPAK WARISAN DUNIA OLEH UNESCO SEMEMANGNYA MEMILIKI PELBAGAI WARISAN KETARA DAN TIDAK KETARA (*TANGIBLE AND INTANGIBLE HERITAGE*) YANG PERLU TERUS DILINDUNGI DAN DIPELIHARA UNTUK TATAPAN GENERASI AKAN DATANG

PERTANIAN

36. SEKTOR PERTANIAN MEMAINKAN PERANAN YANG SANGAT PENTING UNTUK MEMASTIKAN JAMINAN BEKALAN MAKANAN SERTA MENINGKATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI INI. OLEH ITU, SEMUA PIHAK TERMASUK KERAJAAN DAN SWASTA PERLU MENGAMBIL INISIATIF UNTUK MENEROKAI PELUANG MEMODENKAN SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI USAHA UNTUK MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MEMBANGUNKAN SEKTOR INI SECARA LESTARI.

37. PERHATIAN HENDAKLAH DITEKANKAN KEPADA KECUKUPAN BEKALAN MAKANAN DALAM NEGERI DAN MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN

KEPADA PRODUK IMPORT. RAKYAT MELAKA PERLU DIBIMBING DAN DIBERI GALAKAN UNTUK MENCEBURI SEKTOR PERTANIAN SEBAGAI PETANI MODEN DAN BERTEKNOLOGI SEKALIGUS MENJADIKANNYA SEBAGAI SATU SUMBER PENDAPATAN YANG KUKUH DAN MENGUNTUNGGAN.

38. SAYA JUGA MENGGESA KERAJAAN NEGERI SUPAYA TERUS MEMBANGUNKAN TANAH-TANAH TERBIAR DENGAN AKTIVITI PERTANIAN UNTUK TERUS MENINGKATKAN LAGI SEKTOR INI SEBAGAI SALAH SATU PENYUMBANG KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA.

MENYANTUNI ISU-ISU RAKYAT

39. LUAHAN HATI RAKYAT YANG DISUARAKAN KE ATAS BEBERAPA PERKARA, TIDAK BOLEH DIANGGAP REMEH TANPA DIBERIKAN PERHATIAN SEWAJARNYA. KITA SEMUA SEDIA MAKLUM BAHAWA ISU BEKALAN AIR, BANJIR, PENYERTAAN DALAM AKTIVITI EKONOMI SERTA KOS SARA HIDUP ADALAH ANTARA ISU YANG SERING MENIMBULKAN KERISAUAN DI KALANGAN RAKYAT NEGERI MELAKA.

40. OLEH ITU, PELBAGAI INISIATIF PERLU DIRANCANG OLEH KERAJAAN NEGERI BAGI MENGATASI ISU-ISU TERSEBUT SAMA ADA MELALUI

PENDEKATAN JANGKA PENDEK MAHUPUN JANGKA PANJANG. PENYELESAIAN KEPADA ISU YANG DIBANGKITKAN OLEH RAKYAT INI PERLU DIUSAHAKAN DENGAN BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT.

PERPADUAN NEGERI

41. SEIRING DENGAN PERJALANAN KE ARAH NEGERI YANG MAJU JAYA, SESUNGGUHNYA MELAKA ADALAH NEGERI YANG AMAN DAN MAKMUR, DIKURNIAKAN MASYARAKAT BERBILANG BANGSA, AGAMA DAN ADAT RESAM. PERPADUAN DAN KEHARMONIAN NEGERI ADALAH ASET YANG PERLU DIPERTAHANKAN DAN DIPELIHARA UNTUK MENJAMIN KESTABILAN DAN KESEJAHTERAAN NEGERI.

42. JUSTERU, SAYA BERHARAP AGAR RAKYAT MELAKA TERUS MENGEKALKAN KEHARMONIAN INI DAN MERAIKAN PERBEZAAN BUDAYA DENGAN MENGUKUHKAN LAGI PERPADUAN YANG TERJALIN SEKIAN LAMA. PADA MASA YANG SAMA, KITA HENDAKLAH MENGHINDARI SEBARANG TINDAKAN YANG BOLEH MENCETUSKAN PROVOKASI KAUM.

43. WALAUPUN RAKYAT DIBERI KEBEBASAN BERSUARA, KITA JANGANLAH MENGAMBIL KESEMPATAN MENCETUSKAN ISU-ISU SENSITIF DAN KONTROVERSI YANG AKAN MEROSAKKAN KEHARMONIAN DALAM MASYARAKAT. PERPADUAN RAKYAT JUGA PERLU DISEMAT DENGAN MENGHAYATI DAN MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA YANG MENJADI TUNJANG KEPADA PERPADUAN MALAYSIA SEKIAN LAMA.

SYIAR ISLAM

44. DALAM ASPEK MEMARTABATKAN SYIAR ISLAM, SAYA BERHARAP PENTADBIRAN KERAJAAN DAPAT MEMBERIKAN PERHATIAN SERIUS TERHADAP USAHA UNTUK MEMBENDUNG ISU PENYEBARAN AJARAN ISLAM YANG MENYELEWENG DAN SALAH DARI SEGI PRINSIP AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH.

45. SUKA UNTUK SAYA MENYERU AGAR USAHA-USAHA UNTUK MENERAPKAN AJARAN ISLAM BERDASARKAN AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH PERLU DIAMBIL SERIUS DAN DIFAHAMI DENGAN SEBENAR-BENARNYA DI KALANGAN SELURUH UMAT ISLAM DI NEGERI MELAKA KHUSUSNYA. SELAIN ITU PENYEBARAN AJARAN-AJARAN SALAH YANG TELAH DIFATWAKAN HARAM DI NEGERI MELAKA

HENDAKLAH SENTIASA DIPANTAU AGAR TIDAK TERUS MEREBAK DAN MEROSAKKAN PEGANGAN AKIDAH RAKYAT NEGERI INI.

PERKHIDMATAN AWAM

46. USAHA KERAJAAN NEGERI UNTUK MENCAPI TAHAP KECEMERLANGAN PERLU DISOKONG OLEH SISTEM TADBIR URUS YANG TERBAIK DAN BERKESAN TERUTAMA DALAM SITUASI PANDEMIK COVID-19 YANG SEDANG MELANDA SELURUH NEGARA BUAT MASA INI.

47. DALAM MENGHARUNGI CABARAN PANDEMIK COVID-19, SEMUA PIHAK WAJAR BERGANDING BAHU UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBANTU RAKYAT. SAYA DIFAHAMKAN BAHAWA 10 PERATUS GAJI AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN TELAH DIPOTONG BERMULA DARI BULAN JANUARI 2021 SEHINGGA DISEMBER 2021 UNTUK DISALURKAN KE TABUNG BANTUAN BENCANA COVID-19 NEGERI MELAKA. SELAIN ITU, SEBAHAGIAN IMBUHAN TETAP KERAJIAN DAN IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM DI KALANGAN PENJAWAT AWAM NEGERI TURUT DIPOTONG MELALUI KAEDAH POTONGAN GAJI BAGI TUJUAN YANG SAMA. TERIMA KASIH SAYA UCAPKAN DI ATAS KEPRIHATINAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAN PENJAWAT AWAM DALAM USAHA UNTUK

MEMBERIKAN BANTUAN KEPADA RAKYAT YANG AMAT TERKESAN PADA MASA INI.

PENUTUP

48. DI DALAM MENJALANI KEHIDUPAN NORMA BAHARU, RAKYAT MELAKA MEMERLUKAN TUMPUAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SEKALIAN DALAM MENYELESAIKAN SEGALA PERMASALAHAN. SEBAGAI AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI, APA JUA TINDAKAN DAN PERLAKUAN AHLI-AHLI YANG BERHORMAT SENTIASA MENARIK PERHATIAN UMUM.
49. OLEH YANG DEMIKIAN, SAYA MEMOHON SUPAYA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT DAPAT MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI AGAR MENJADI CONTOH KEPADA MASYARAKAT UMUM DAN MENCERMINKAN KEMATANGAN PEMIMPIN. PERBALAHAN YANG TIDAK BERKESUDAHAN HANYA AKAN MERUGIKAN SEMUA PIHAK. WALAUPUN TERDAPAT PERBEZAAN PENDAPAT, TETAPI DALAM SITUASI PANDEMIK COVID-19 INI, KERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN YANG TERBAIK KEPADA RAKYAT DAN NEGERI MELAKA YANG TERCINTA INI PERLULAH MENJADI KEUTAMAAN KEPADA SEMUA PIHAK.

50. SAYA MENARUH HARAPAN SUPAYA PERSIDANGAN KALI INI DAPAT BERJALAN DENGAN TERATUR DAN SEMPURNA, SERTA DENGAN PENUH RASA HORMAT-MENGHORMATI DI ANTARA SATU SAMA LAIN TANPA MENGAMBIL KIRA IDEOLOGI POLITIK MASING-MASING.
51. DENGAN LAFAZ BISMILLAAHIR RAHMAANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MERASMIKAN PEMBUKAAN PERSIDANGAN PERTAMA, PENGGAL KEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA YANG KEEMPAT BELAS.

KEPADA AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, SELAMAT BERSIDANG DI DEWAN YANG MULIA INI.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.